

**SATU KAJIAN TENTANG REKA CORAK TEMBIKAR BABA DAN NYONYA
PULAU PINANG.**

oleh

GRACE CHOONG AI MAY

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah sarjana sastera**

Jun 2005

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Dr Zakaria Ali, penyelia utama yang telah meluangkan masa untuk memberikan nasihat dan bimbingan sepanjang proses menjalankan dan melengkapkan tesis ini dengan sistematik. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Profesor Dr Tan Sooi Beng untuk memberikan bimbingan dalam penyediaan dan pelengkapan tesis ini.

Setinggi-tinggi terima kasih saya tujukan kepada Encik Ch'ng Huck Theng yang telah berkongsi maklumat tentang tembikar Nyonya dan membenarkan saya mengambil gambar tentang koleksi beliau yang begitu lengkap dan sempurna. Saya juga berasa amat berharga atas kesudian Encik Lim S.M. yang membenarkan saya mengambil gambar tentang barangan tembikar beliau. Begitu juga sekalung budi kepada pengarah Muzium Pulau Pinang Encik Khoo Boo Chia yang berkongsi maklumat tentang tembikar dan koleksi muzium.

Terima kasih turut diucapkan kepada Encik Kee Saik Lok dan isterinya yang mengalu-alukan kedatangan saya ke rumah mereka semasa sesi temu bual. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Puan Tan Kooi Eng yang menceritakan pengalaman beliau dan membenarkan pengambilan gambar tembikar-tembikar beliau. Penghargaan ditujukan kepada Encik Michael Cheah yang merupakan kurator Muzium Baba dan Nyonya di Pulau Pinang yang mengongsikan pengalaman dan maklumat beliau atas hal sosial-budaya masyarakat ini.

Tidak lupa saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Puan Honey Khoo yang berkongsi cerita Nyonya beliau dan juga koleksi barangan beliau. Di samping ribuan terima kasih diucapkan kepada Encik Khoo Boo Yee yang membenarkan saya merekodkan koleksi beliau. Saya juga ingin mengucapkan

setinggi-tinggi terima kasih kepada Puan Sally Ong yang mempunyai koleksi tembikar biru dan putih serta jubin-jubin. Begitu juga penghargaan ditujukan kepada arkitek Encik Tan Yao Wei yang berkongsi ilmu tentang jubin-jubin seni. Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Encik Chong Chin Seng yang berkongsi ilmu tentang proses penghasilan tembikar. Justeru itu, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli keluarga saya terutamanya adik saya yang memberi sokongan dalam pelbagai hal untuk menyempurnakan tesis ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada setiap individu yang telah membantu, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

SUSUNAN KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI PLAT	vii
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv

BAB SATU : PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Objektif dan Kepentingan Kajian	2
1.2	Soalan-soalan Kajian	5
1.3	Pemasalahan Kajian	5
1.4	Tinjauan Literatur	6
	1.4.1 Sejarah dan Kebudayaan Baba dan Nyonya	7
	1.4.2 Barangan Tembikar Eksport Negeri China	9
	1.4.3 Sejarah Tembikar Negeri China	10
	1.4.4 Teori Seni dan Simbolisme	11
1.5	Metodologi Penyelidikan	16
	1.5.1 Strategi Induktif	17
	1.5.2 Strategi Abduktif	19
1.6	Batasan Kajian	20
1.7	Organisasi Kajian	21

BAB DUA : LATAR BELAKANG DAN SOSIAL-BUDAYA BABA DAN NYONYA

2.0	Pendahuluan	25
2.1	Asal-usul Baba dan Nyonya	26
2.2	Kesimpulan	40

BAB TIGA : SENI TEMBIKAR NYONYA

3.0	Pendahuluan	42
3.1	Proses Membuat Tembikar	44
3.2	Tempat hasil Tembikar Nyonya	49
3.3	Definisi 'Famille Rose'	52

3.4	Jenis-jenis Tembikar Nyonya	54
3.4.1	Teko	54
3.4.2	Bekas Pemegang Teko	58
3.4.3	Cawan teh	59
3.4.4	Mangkuk	61
3.4.5	Kamcheng	62
3.4.6	Chupu	65
3.4.7	Pinggan	66
3.4.8	Sudu	69
3.4.9	Tengkat	71
3.4.10	Basin Muka	72
3.4.11	Bekas Ludah	73
3.4.12	Pasu Bunga	76
3.4.13	Bekas Colok	78
3.4.14	Bantal Porselin	79
3.4.15	Kotak Sabun	80
3.4.16	Kotak Gua-ji	80
3.5	Reka Corak dan Simbolisme Cina	81
3.5.1	Motif Flora	83
3.5.2	Motif Haiwan	86
3.5.3	Simbol-simbol Cina	92
3.5.4	Simbolisme Warna	102
3.6	Tanda-tanda Nama	107
3.7	Tanda-tanda Nama	112

BAB EMPAT : SENI TEMBIKAR BIRU DAN PUTIH

4.0	Pendahuluan	116
4.1	Latar Belakang Tembikar Biru dan Putih	118
4.2	Proses Mendekorasi	124
4.3	Reka Corak dan Teori Seni	127
4.3.1	Reka Corak Rama-Rama	131
4.3.2	Reka Corak Bunga Kacang Pis	134
4.3.3	Reka Corak Bintang	135
4.3.4	Reka Corak Bunga Kekwa Dan Siput	136
4.3.5	Reka Corak Batik	139
4.3.6	Reka Corak Landskap	141
4.3.7	Reka Corak Flora	144

4.3.8	Reka Corak Pekerja	149
4.3.9	Reka Corak Haiwan	150
4.3.10	Reka Corak Simbol Perkataan	154
4.4	Sampel-sampel Tanda Nama	156
4.5	Kesimpulan	158

BAB LIMA : SENI JUBIN

5.0	Pendahuluan	162
5.1	Latar Belakang Jubin Majolica Eropah	164
5.2	Jubin Dinding Jepun	169
5.2.1	Sampel Reka Corak Jubin Dinding Jepun	170
5.3	Reka Corak Jubin Dinding Majolica	171
5.3.1	Reka Corak Bunga Ros	172
5.3.2	Reka Corak Bunga Magnolia	177
5.3.3	Reka Corak Bunga Tulip	179
5.3.4	Reka Corak Bunga Teratai	180
5.3.5	Sampel Jubin di Jalan Hutton	180
5.3.6	Sampel Jubin di Lorong Ikan	183
5.3.7	Sampel Jubin di Jalan Magazine	184
5.3.8	Sampel Jubin di Jalan Maccalum	185
5.3.9	Sampel Jubin di Jalan Nagore	186
5.3.10	Sampel Jubin di Jalan Herriot	188
5.3.11	Sampel Jubin di Jalan McNair	190
5.3.12	Sampel Jubin di Jalan Muntri	190
5.3.13	Sampel Jubin di Lebuhraya Cina	194
5.3.14	Sampel Jubin di Jalan Little India	196
5.4	Reka Corak Jubin Lantai	198
5.4.1	Sampel Jubin Lantai	199
5.4.2	Sampel Jubin Dinding dan Lantai di Lebuhraya Melayu	205
5.4.3	Sampel Jubin Dinding dan Lantai di	206
5.4.4	Sampel Jubin Dinding dan Lantai di	207
5.5	Kesimpulan	210

BAB ENAM : PENUTUP

6.0	Pendahuluan	213
6.1	Rumusan Dapatan	213
6.2	Kesimpulan	223

BIBLIOGRAFI	226
--------------------	-----

SENARAI PLAT

	Muka surat	
2.1	Nyonya dan anak	25
3.1	Tiga biji teko	57
3.2	Pelbagai bentuk teko	57
3.3	Bekas pemegang teko	58
3.4	Cawan teh	60
3.5	Mangkuk hijau	61
3.6	Mangkuk putih	61
3.7	Kamcheng 'Zhixi'	63
3.8	Kamcheng perang	63
3.9	Kamcheng biru muda	64
3.10	Kamcheng kuning	65
3.11	Chupu	65
3.12	Pinggan putih	66
3.13	Pinggan perang	67
3.14	Pinggan figura	68
3.15	Piring kicap	69
3.16	Sudu	69
3.17	Tengkat merah	71
3.18	Basin muka	72
3.19	Bekas ludah	73
3.20	Bekas ludah 'kuan'	74
3.21	Pasu bunga naga dan Phoenix	76
3.22	Pasu bunga harimau	77
3.23	Bekas colok	78
3.24	Bantal Porselin	79
3.25	Kotak sabun	80
3.26	Kotak 'Gua-ji'	80

3.27	Simbol lapan benda berharga	92
3.28	Simbol lapan lambang Buddhisme	93
3.29	Simbol lapan lambang Taoisme	94
3.30	Reka corak klasik Cina	95
3.31	Motif kolar awan	95
3.32	Simbol kepala ju-i	96
3.33	Motif tepian bentuk berlian	96
3.34	Motif awan	97
3.35	Reka corak awan	97
3.36	Simbol perkataan 'Shou'	98
3.37	Simbol perkataan 'fu'	98
3.38	Simbol perkataan 'shuang-xi'	98
3.39	Panel teratai	99
3.40	Motif tepian kelopak	99
3.41	Reka corak guruh	99
3.42	Motif guruh	100
3.43	Motif ombak	100
3.44	Contoh simbol-simbol cina pada sebuah kamcheng	101
3.45	Piring kicap	110
3.46	Mangkuk	110
3.47	Pinggan Peony	111
3.48	Pinggan Phoenix dan Peony	111
4.1	Batik biru dan putih	132
4.2	Mangkuk kecil	133
4.3	Mangkuk besar	133
4.4	Basin muka	134
4.5	Kamcheng	135
4.6	Pinggan bintang	136
4.7	Pinggan kekwa dan siput	137
4.8	Pinggan kekwa dan siput	138
4.9	Pingga bunga kekwa	138
4.10	Pinggan batik	139
4.11	Mangkuk batik	140
4.12	Pinggan batik	140
4.13	Sudu landskap	141
4.14	Pasu bunga	142
4.15	Piring kicap	142

4.16	Bekas pemanas ubat	143
4.17	Pinggan landskap	143
4.18	Pinggan flora	144
4.19	Pinggan flora	145
4.20	Sudu flora	145
4.21	Pinggan lingzi	146
4.22	Mangkuk lingzi	146
4.23	Mangkuk bunga	147
4.24	Kotak bedak	147
4.25	Mangkuk pokok pine	148
4.26	Sudu bunga	148
4.27	Mangkuk pekerja	149
4.28	Sudu pekerja	150
4.29	Kamcheng naga	151
4.30	Tengkat naga	152
4.31	Mangkuk naga	152
4.32	Bantal porselin	153
4.33	Bantal porselin	153
4.34	Pinggan ikan	154
4.35	Pinggan 'fu'	155
4.36	Piring kicap	155
4.37	Pinggan 'shanghai'	156
4.38	Pinggan batik	156
4.39	Pinggan batik	157
4.40	Cawan teh	157
5.1	Jubin ros	170
5.2	Jubin tepian	170
5.3	Jubin bunga	171
5.4	Jubin ros	173
5.5	Jubin biru muda	173
5.6	Jubin ros	174
5.7	Jubin ros	174
5.8	Jubin ros	174
5.9	Jubin ros	175
5.10	Jubin tiga kuntum ros	175
5.11	Jubin jalur	176
5.12	Jubin ros	176

5.13	Jubin magnolia	177
5.14	Jubin magnolia	178
5.15	Jubin magnolia	178
5.16	Jubin tulip	179
5.17	Jubin teratai	180
5.18	Jubin Jalan Hutton	180
5.19	Jubin Jalan Hutton	181
5.20	Jubin bergambar	181
5.21	Jubin kalung bunga	182
5.22	Jubin kalung bunga	182
5.23	Jubin Lorong Ikan	183
5.24	Jubin Jalan Magazine	184
5.25	Jubin ros	184
5.26	Jubin bunga ungu	185
5.27	Jubin kekwa	185
5.28	Jubin Jalan Nagore	186
5.29	Jubin Jalan Nagore	186
5.30	Jubin Jalan Nagore	187
5.31	Jubin Jalan Nagore	187
5.32	Jubin Jalan Herriot	188
5.33	Jubin bunga lili	188
5.34	Jubin bunga	188
5.35	Jubin bunga	189
5.36	Jubin ros	189
5.37	Jubin bunga tulip	190
5.38	Jubin pasu bunga	190
5.39	Jubin kekwa ungu	191
5.40	Jubin bunga	191
5.41	Jubin ros	192
5.42	Jubin bunga	192
5.43	Jubin bunga biru	193
5.44	Jubin kekwa	193
5.45	Jubin ungu	194
5.46	Jubin daisi	194
5.47	Rumah tumpangan chetti	195
5.48	Jubin merak	195
5.49	Jubin bunga	196

5.50	Jubin Little India	196
5.51	Jubin Little India	197
5.52	Jubin Little India	197
5.53	Jubin bunga	197
5.54	Jubin lantai	199
5.55	Jubin lantai	200
5.56	Jubin lantai	200
5.57	Jubin lantai	200
5.58	Jubin lantai	201
5.59	Jubin lantai	201
5.60	Jubin lantai	201
5.61	Jubin lantai	202
5.62	Jubin lantai	202
5.63	Jubin lantai	202
5.64	Jubin lantai	203
5.65	Jubin lantai	203
5.66	Jubin lantai	203
5.67	Jubin lantai	204
5.68	Jubin lantai	204
5.69	Jubin lantai	204
5.70	Jubin lantai	205
5.71	Lebuh Melayu	205
5.72	Jubin Lebuh Melayu	206
5.73	Jalan Magazine	206
5.74	Jubin Jalan Magazine	207
5.75	Jubin Jalan Muntri	207
5.76	Jubin Jalan Muntri	207
5.77	Jubin Jalan Muntri	208
5.78	Jubin Jalan Muntri	208
5.79	Jubin Jalan Muntri	209
5.80	Jubin Jalan Muntri	209

SATU KAJIAN TENTANG REKA CORAK TEMBIKAR BABA DAN NYONYA PULAU PINANG.

ABSTRAK

Barangan tembikar merupakan warisan dalam masyarakat Baba dan Nyonya. Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang terdapat komuniti Baba dan Nyonya. Baba Pulau Pinang mengucapkan bahasa Hokkien patois yang bercampur dengan pinjaman bahasa Melayu. Sosial budaya mereka juga dipengaruhi oleh warisan golongan orang Melayu, Eurasian, Arab, Thai, India dan Burma. Objektif kajian ini adalah untuk membuat satu dokumentasi tentang barangan dapur dan jubin yang digunakan oleh masyarakat Baba dan Nyonya di Pulau Pinang serta membuat olahan teoritikal dari segi bahasa seni.

Fokus utama kajian ini ialah untuk mengkaji reka corak dan erti simbolik pada sampel tembikar. Metodologi kajian ini merangkumi sesi temubual dengan seniman, kolektor antik, warisan Baba, kurator muzium dan pekedai antik. Sesi pemerhatian serta dokumentasi imej dan pengukuran dimensi barangan dibuat dalam bentuk nota, rakaman pita dan fotografi. Analisis terperinci tentang reka corak adalah berasaskan transkripsi dan pemerhatian yang diperolehi daripada rakaman semasa menjalankan kerja lapangan.

Untuk bahagian analisis dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu tembikar *Famille Rose*, Tembikar Biru dan Putih serta Seni Jubin. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa beberapa motif yang dipilih dan disukai oleh masyarakat ini pada tembikar Nyonya menggambarkan maksud simbolik yang berkaitan dengan sosial-budaya mereka seperti pantang-larang, *filial piety* dan majlis-majlis kebesaran. Satu tema yang paling banyak dijumpai pada tembikar Nyonya yang berpolikroma

enamel dan halus adalah motif burung *Phoenix* dan bunga *Peony*. Sebaliknya bentuk tembikar Nyonya pula sangat mudah dan berfungsi kegunaan. Motif popular yang diulang-ulangkan pada Tembikar Biru dan Putih didekorasikan dengan motif rama-rama dan gulungan daun-daunan. Selain itu, jubin seni yang terdapat pada dinding rumah Baba dan Nyonya merupakan satu titik-tolak kepada bidang kajian yang baru. Jubin seni semakin hilang disebabkan kerja-kerja renovasi dan peruntuhan pada bangunan-bangunan lama. Motif tertonjol pada seni jubin pula menggambarkan pelbagai reka corak bunga ros. Dokumentasi dibuat pada pelbagai variasi jubin yang diimport dari negara Eropah dan negeri Jepun menunjukkan asimilasi elemen budaya yang pluralisme dan unik di Pulau Pinang.

A STUDY ON THE DESIGN OF THE CERAMICS OF BABA AND NYONYA PENANG.

ABSTRACT

Ceramic ware is object of heirloom for the family of Baba and Nyonya. Penang is one of the places where the community of Baba and Nyonya belonged. Penang's Baba speaks Hokkien language with a fusion of borrowed Malay words. Their social-culture is influenced by the heritage of the Malays, Eurasians, Arabs, Thais, Indians and Burmese. The objective of this study is to carry out documentation on the patterns of the Straits Chinese porcelain ware and the tiles used in the society of Baba and Nyonya, and describe them with art theories.

The main focus of the study is to examine the relationship between the motifs and the symbolic meaning behind the motifs. Research methodologies including interviews carried out with artists, antique collectors, descendents of Baba, museum curator and antique dealers. Observation, documentation of images and measurement of the ceramics ware were done in the form of notes, tape recording and photography. Detailed analysis of the design motifs are based on transcription and observation recorded during the fieldwork.

The analysis part is divided into three chapters that are the colourful Famille Rose Porcelain, Blue and White Porcelain and tiles. This study shows that several specific motifs on the Nyonya ware which were popular among the Baba community reflect the symbolic meaning that was connected with their social cultural beliefs such as taboos, filial piety and festivals. A repeated theme appeared on the fine polychrome enameled ware is the Phoenix and the Peony. However the form of the ware is purely simple and functional. The most popular motifs on the blue and white porcelain ware of Baba are the motif of butterflies and leafy scrolls. Besides, the study of the art tiles that

are on the façade of the Baba's house is a new field of study. The art tiles are diminishing, as many old buildings are being renovated or torn down in Georgetown, Penang. The most astounding motif on the art tiles is the various facets of Rose pattern. Documentation on the art tiles that were imported from Europe countries and Japan reflected the assimilation of diversified cultures that is so unique in Penang.

BAB SATU

PENGENALAN

Semasa Francis Light menubuhkan Pulau Pinang di tahun 1786, dalam pernyataan beliau Pulau Pinang adalah sebuah pulau yang diserangi penyakit Malaria dan penuh dengan payau-bakau.¹ Pulau Pinang disediakan sebagai satu pelabuhan perniagaan untuk Syarikat Timur India untuk bertanding dengan Belanda di Selat Melaka². Pada masa itu, orang Melayu melarikan diri dari serangan Thai di Kedah berpindah ke pulau ini, orang Eurasian yang melarikan diri dari masalah agama dari Selatan Negeri Thai, orang Cina yang ingin mencuba nasib di Nanyang dan orang India Selatan yang mengelakkan kemiskinan berpindah ke pulau yang kecil ini. Di samping itu, peranakan Cina dari Melaka, orang Burma, orang Armenia, orang Parsi, orang Yahudi, orang Arab malah orang Aceh pun datang ke Pulau Pinang untuk melibatkan diri dalam perniagaan rempah dan penyebaran agama Islam.

Penduduk-penduduk awal itu membentuk satu masyarakat majmuk yang terdiri dari pelbagai aktiviti sosial dan budaya di Pulau Pinang. Antaranya dua golongan minoriti yang memainkan peranan dalam perkembangan ekonomi ialah Peranakan Jawi dan Peranakan Cina³. Sebelum penubuhan Pulau Pinang, orang Cina menetap di Melaka sejak abad ke-15, malah di Utara Java, Selatan Negeri Thai dan juga di tepi pantai Kedah. Peniaga lelaki Cina mengahwini perempuan tempatan yang mungkin orang Batak, Thai atau Burma. Selepas beberapa generasi, anak cucu mereka dikenali sebagai Baba dan Nyonya yang menumpu di Negeri-negeri Selat. Baba saling berkahwin dalam komuniti mereka, dan ada yang mengahwinkan anak perempuan mereka kepada lelaki 'Sinkeh', yang baru datang dari Negeri China.

¹ Khoo Su Nin. (1993). *Streets of Georgetown Penang*. Penang: Janus Print & Resources. ms 5.

² Purcell, Victor. (1948). *The Chinese In Malaya*. London: Oxford University Press. ms 41.

³ Khoo Su Nin. (1993). *Streets of Georgetown Penang*. Penang: Janus Print & Resources. ms 5

Peranakan Baba menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. 'Penang Free School' ditubuhkan pada tahun 1816, Sekolah St Xavier dan Sekolah Convent Light Street ditubuhkan pada tahun 1852.⁴ Mereka dipengaruhi budaya Barat, dan mendapat kerja dalam syarikat Inggeris. Pada awal abad ke-19, Baba menyesuaikan diri kepada pakaian barat manakala Nyonya pula memodifikasikan fesyen tempatan mereka. Mereka diidentifikasikan sebagai kelas sosial-ekonomi, berorientasikan politik dan memupuk citarasa terhadap pelbagai seni budaya. Baba dan Nyonya di Pulau Pinang berucap dalam bahasa *Hokkien patois* yang meminjam perkataan bahasa Melayu, seperti saudara-mara mereka Baba dan Nyonya di Medan, Phuket dan Rangoon. Secara kontra, Baba Nyonya di Melaka dan Singapura pula mengucapkan bahasa Melayu *patois* yang bercampur dengan perkataan Hokkien. Manifestasi budaya material Baba dan Nyonya pada awal abad ke-19 dijadikan inspirasi nostalgia kepada Pulau Pinang sebelum Perang Dunia Kedua.

1.1 OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Golongan Peranakan Baba dan Nyonya menyesuaikan diri kepada keadaan budaya tempatan yang luas yakni pengaruh dari budaya orang Melayu, Eropah dan India, di mana akhirnya budaya ini telah diperkembangkan kepada suatu budaya warisan yang amat unik. Warisan budaya ini menunjukkan suatu asimilasi identiti kebangsaan Malaysia yang berbilang kaum.

Warisan Peranakan semakin pupus pada abad ke dua puluh satu. Sifat tertonjol budaya material Peranakan Baba yang terdiri daripada hasil objek seni, kraf tangan dan seni binanya yang memaparkan sifat keaslian budaya yang natural dan memiliki nilai estetik yang tinggi. Banyak barangan Nyonya telah dibeli dan dikoleksikan oleh pelancong-pelancong dan anak-cucu Baba yang telah berpindah ke luar negara sejak

⁴ Wright, Nadia. (2002). *Glimpses of Penang*. Penang: Star Publication. ms 49.

tahun 70an, 80an dan 90an. Sebagai warisan kepada keluarga Baba dan Nyonya, memang dari permulaan kajian pengkaji mempunyai keinginan untuk mencari identiti keluarga dan signifikan barangan dapur yang ditinggalkan oleh nenek-moyang. Didapati kekurangan pemahaman tentang sifat-sifat barangan dapur Nyonya kerana objek-objek tersebut hanya merupakan satu perhiasan dalam almari bilik tetamu. Maka wujudlah keinginan untuk menjawab soalan-soalan yang terpendam tentang hubungan budaya Baba dan Nyonya dengan barangan tembikar tersebut.

Objektif kajian ini adalah untuk membuat satu dokumentasi tentang barangan tembikar golongan Baba dan Nyonya yang masih ada di Pulau Pinang pada abad ke-21 ini serta membuat olahan teoritikal dari segi nilai bahasa seni visual. Barangan tembikar yang diwarisi dari golongan Peranakan juga merupakan barangan eksport dari Negeri China yang dihasilkan untuk memenuhi citarasa pasaran warga Asia Tenggara. Barangan tembikar telah dikatalog tetapi belum dikaji secara ilmiah, ternyata suatu kajian adalah perlu untuk memenuhi teks dan mendiskripsikan seni visual koleksi barangan itu dengan bahasa seni simbolisme serta menghubungkaitkan objek seni tersebut dengan kebudayaan masyarakat yang pluralisme itu. Selain itu, objektif kajian adalah untuk menyelidik dan memahami tentang fenomena budaya masyarakat Baba dan Nyonya yang membeli barangan dapur berwarna-warni itu berhubungan dengan tabiat seharian mereka. Di samping untuk mendeskripsikan reka corak dan sifat-sifat istimewa barangan tembikar itu.

Kepentingannya kajian ini ialah disebabkan kategori seni tembikar ini tidak direkodkan dalam mana-mana literatur di Negeri China. Kajian ilmiah juga tidak pernah dibuat di negara ini. Tambahan pula, faktor yang paling penting ialah jenis tembikar Nyonya tidak dapat diperolehi di negara-negara lain selain daripada Negeri-negeri Selat. Di samping itu jubin-jubin tembikar dinding dan lantai merupakan satu lagi sifat yang istimewa pada budaya seni bina peranakan. Kepentingan kajian ini akan

didokumentasikan pada jubin-jubin yang dihasilkan pada awal abad ke-20 yang semakin kurang bilangannya. Fokus dibuat atas nilai estetik dan idea rekacipta corak.

Signifikan hasil kajian ini akan dapat memberi sumbangan rujukan kepada kajian pihak muzium, guru-guru seni, seniman tembikar, para kolektor dan peminat-peminat objek seni tentang pemahaman simbolisme dan idea reka corak pada kategori tembikar tersebut. Apresiasi terhadap seni tembikar sebagai suatu bidang ilmu yang bermanfaat bukan sahaja meningkatkan sahsiah, malah menambahkan ilmu pengetahuan dalam segala aspek bidang ini tidak kira sejarah, teknikal, reka corak dan terpenting sekali nilai seninya. Malah kajian ini boleh memberikan inspirasi kepada seniman tembikar untuk merekacipta, menginovasi dan memperkembangkan industri barangan tembikar tempatan dalam hal idea reka corak. Seni tembikar Nyonya memaparkan suatu sifat citarasa tempatan dan mempunyai identiti yang unik. Warisan Peranakan Baba dan Nyonya merupakan suatu hasil warisan sejarah dalam dunia seni Asia Tenggara. Ia harus diperkembangkan dan diperkenalkan kepada generasi yang akan datang.

1.2 Soalan-soalan kajian (Research Questions):

Sebelum kajian dijalankan, tiga soalan kajian dikemukakan. Soalan-soalan tersebut seperti yang ditunjukkan di bawah dan akan dijawab pada bab penutup.

1. Apakah sifat-sifat reka corak pada tembikar yang digunakan dalam masyarakat Peranakan Baba?

2. Bagaimanakah dan apakah perkembangan barangan eksport Cina itu berhubungkait dengan budaya komuniti Peranakan Baba?

3. Mengapakah golongan Peranakan Baba memilih beberapa motif dalam barangan tembikar mereka?

1.3 Permasalahan Kajian

Georgetown memang dari dahulu digelar sebuah tempat bersejarah yang dipenuhi dengan pelbagai peristiwa budaya pelbagai kaum. Tembikar Nyonya merupakan sejenis barangan dapur yang asing kepada mereka yang bukan warisan Baba dan Nyonya. Sesebuah teks diperlukan untuk mendefinisikan dan mengelaskan barangan tembikar tersebut. Pemerhati mempunyai interpretasi dan tahap visualisasi yang berlainan terhadap barangan tembikar itu. Penerangan reka corak berdasarkan sifat-sifat motif dan simbolisme Cina di samping sejarah latar belakangnya adalah diperlukan untuk membezakan yang barangan tersebut digolongkan sebagai tembikar Nyonya atau bukan tembikar Nyonya.

Deskripsi dan pemerhatian yang terperinci pada tembikar biru dan putih yang begitu banyak bilangan juga perlu diterangkan dan diidentifikasikan dengan reka corak yang paling biasa dijumpai di keluarga Baba dan Nyonya. Ini disebabkan masyarakat

Baba dan Nyonya hanya memilih beberapa motif sahaja dan tertimbul persoalan mengapa beberapa reka corak itu terpilih. Kajian terhadap reka corak tembikar Baba dan Nyonya yang berhubungan dengan fungsi kegunaan yang berkaitan dengan sosial-budaya tidak pernah ditulis dalam bahasa Malaysia ataupun oleh mana-mana pengkaji di negara ini. Rujukan pada reka corak seni tembikar dalam bahasa Melayu amat terhad.

Lagi satu bidang yang langsung tidak dipelopori oleh mana-mana pengkaji dan penulis buku tempatan iaitu seni jubin. Dalam aspek seni estetik, jubin-jubin itu digunakan untuk menghiasi rumah-rumah yang dibina sekitar abad ke-19. Satu dokumentasi diperlukan sejak '*Rent Control Act*' di Pulau Pinang dihapuskan, bandar Georgetown semakin meluntur sifat warisannya kerana kerja-kerja renovasi dan runtuh bangunan-bangunan lama. Secara langsung, jubin-jubin yang terlekat pada bangunan lama juga turut dimusnahkan, sebaliknya jubin-jubin yang masih dalam keadaan yang baik dikorek untuk dijual.

1.4 Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur merangkumi empat bahagian, iaitu sejarah dan kebudayaan masyarakat Baba dan Nyonya, seni tembikar barangan eksport Negeri China, sejarah ringkas Tembikar Negeri China, Teori Seni dan Simbolisme. Tinjauan literatur dibuat berasaskan bahan bacaan dan kajian yang didokumentasikan seperti tesis, kertas kerja, buku, artikel dalam jurnal, artikel akbar dan laman web yang diperolehi dari perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Perpustakaan Awam Seberang Perai, Perpustakaan Budaya Cina (di Kolej Han Chiang), Perpustakaan Dewan Cina Pulau Pinang, Perpustakaan SMJK Perempuan Cina dan koleksi-koleksi peribadi.

1.4.1 Sejarah dan Kebudayaan Baba dan Nyonya

Kajian yang dilakukan ini dilihat mempunyai beberapa kepentingan kerana ia belum dilakukan secara ilmiah khususnya dalam bentuk kajian bahasa seni halus oleh mana-mana pengkaji di Malaysia. Didapati seorang pengkaji yang bernama Tan Chee Beng telah menulis sebuah tesis dalam bidang sosial-sains bertajuk '*Baba dan Nyonya A Study of the Ehtnic Identity of the Chinese Peranakan di Malacca*.'(1979) Tan Chee Beng juga menulis banyak buku, antaranya sebuah buku bertajuk '*Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*' (1993)⁵. Dalam buku ini, beliau menuliskan tentang kebudayaan peranakan Cina di Malaysia iaitu di Melaka, Singapura dan Pulau Pinang, termasuklah Peranakan Cina di Kelantan dan Terengganu, secara amnya tentang budaya 'material', seni bina, bahasa dan penerbitan dalam bab satu. Beliau mencadangkan kajian dibuatkan ke atas sejarah dan budaya Peranakan Cina di Pulau Pinang. Seterusnya Bab 2 difokuskan pada perubahan identiti Baba di Melaka. Diterangkan antara 'Peranakan Cina', 'Baba' dan 'Baba Pulau Pinang'. Isi kandungan mengolahakan tentang perubahan budaya dan identiti ethnik, juga memberikan perhatian kepada keperluan untuk melihat aspek identiti dalam perspektif yang dinamik. Bab ketiga pula mencernakan perkara tentang Baba dan bahasa Melayu di mana masyarakat ini telah memberikan sumbangan dalam penerbitan bahasa Melayu. Penulis berpendapat bahawa bahasa Melayu Baba harus dihormati sebagai bahasa Baba dan evolusi bahasa itu secara natural. Akhirnya, hubungan sejarah Peranakan Cina dan budaya Baba kepada kajian sains sosial dibincangkan.

J.D. Vaughan (1854)⁶ yang menulis buku '*The Manners dan Customs of the Chinese of the Straits Settlements*' tentang budaya dan kehidupan golongan Cina di Pulau Pinang pada masa itu merupakan suatu rujukan yang sangat penting. Vaughan

⁵ Tan Chee Beng. (1993). *Chinese Peranakan Heritage*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

⁶ J.D. Vaughan. (1974). *The Manners amd Customs of the Chinese of the Straits Settlements*. Singapore: Oxford University Press.

telah berkhidmat sebagai 'Superintendent' Pasukan Polis Pulau Pinang dari 1851-1856 dan sepanjang masa itu beliau memerhati budaya komuniti peranakan Cina. Buku itu merupakan sebuah dokumentasi sejarah yang penting berkenaan sosia-budaya masyarakat Baba.

Purcell, Victor (1967)⁷ yang membuat kajian tentang sejarah awal dan sains sosial orang Cina di Tanah Melayu dalam bukunya 'The Chinese In Malaya' mengolahkan penghijrahan orang-orang Cina ke Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Purcell juga memberikan latar belakang dan keadaan sosial orang Cina di Tanah Melayu sebelum, semasa dan selepas Perang Dunia Kedua. Penghijrah awal ke Pulau Pinang dicerakinkan dengan rujukan dokumen dan statistik dari tahun 1786-1867 memberikan gambaran yang jelas tentang penubuhan Pulau Pinang oleh Francis Light dan perkembangan seterusnya yang dicapai oleh pulau ini.

Chia, Felix seorang Baba yang membukukan 'The Babas' (1980)⁸ dan 'Ala Sayang' (1983)⁹ mengolahkan pelbagai aspek sosial budaya masyarakat Baba. Chia menghubungkan pengalaman sendiri dengan kehidupan harian Baba serta mengolahkan majilis perayaan seperti harijadi, perkahwinan dan kematian. Sifat-sifat keluarga Baba, bahasa Baba dan pendidikan Baba juga dibincangkan di dalam buku 'The Babas'. Dalam buku kedua Chia 'Ala Sayang' dicerakinkan lebih mendalam tentang sosial-budaya seperti pantang larang, bahan bacaan Baba, perbezaan antara bahasa Baba dan Bahasa Melayu, di samping kehidupan seseorang Nyonya pada awal ke abad dua puluh.

⁷ Purcell, Victor. (1948). *The Chinese In Malaya*. London: Oxford University Press.

⁸ Chia, Felix. (1953). *The Babas*. Singapore: Times Books International.

⁹ Chia, Felix. (1994). *Ala Sayang*. Singapore: Eastern Unibersities Press.

1.4.2 Barangan Tembikar Eksport Negeri China

Buku Seni Tembikar yang ditulis oleh Ho Wing Meng (1983)¹⁰ bertajuk ‘ *Straits Chinese Porcelain* ’ mengolahkan tentang sifat-sifat dan reka cipta barangan tembikar peranakan Baba. Dr Ho Wing Meng yang merupakan Profesor Madya Filosofi di National University of Singapore juga menerbitkan tajuk-tajuk lain seperti ‘ *Straits Chinese Silver*’, ‘ *Straits Chinese Beadwork & Embroidery*’ dan ‘ *Straits Chinese Furniture*’. Buku terbitan ‘Southeast Asian Ceramic Society’ (1981)¹¹ yang berjudul ‘ *Nyonya ware and Kitchen Ch’ng*’ yang menerangkan tentang penamaan dan koleksi jenis-jenis tembikar serta membuat satu dokumentasi yang agak lengkap. Di samping itu, Dr Khoo Joo Ee (1998)¹², seorang kurator di Asian Art Museum di Kuala Lumpur menulis sebuah buku bertajuk ‘ *The Straits Chinese – A Cultural History* ’ yang merangkumi perkara-perkara sosial-budaya dan objek-objek seni yang disimpan dan digunakan oleh masyarakat Baba dan Nyonya. Dalam buku ini banyak merangkumi contoh-contoh dan perkara-perkara yang dirujuk kepada Baba di Pulau Pinang.

Barbara Harrisson (1995)¹³ yang menuliskan buku ‘ *Later Ceramics in South-East Asia*’. Buku ini dicernakan jenis barangan stail Swatow yang juga merupakan barangan popular di Asia Tenggara pada tahun 1550-1650. Ditunjukkan gambar-gambar kajian barangan tembikar tersebut dengan penerangan. Harrisson juga mengolahkan barangan di Jingdezhen tahun 1550-1700 dan tembikar eksport Cina yang lain dari tahun 1700-1930. Didapati terdapat reka corak yang amat berbeza antara barangan eksport Cina ke pasaran Asia Tenggara dengan barangan eksport Cina ke pasaran Negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Boleh dilihat bahawa barangan eksport Cina tersebut dihasilkan khas untuk pasaran dan citarasa masing-masing. Selain itu terdapat dua orang kolektor tempatan yang membuat dokumentasi

¹⁰ Ho Weng Meng. (1983). *Straits Chinese Porcelain*. Singapore: Times Books International.

¹¹ William Willets and Lim Suan Poh. (1981). *Nyonyaware and Kitchen Ch’ng*. Kuala Lumpur: The Southeast Asian Ceramic Society, Oxford University Press.

¹² Khoo Joo Ee. (1998). *The Straits Chinese*. The Netherlands: the Pepin Press.

tentang koleksi tembikar Nyonya mereka. Ch'ng Huck Theng (2001)¹⁴ menerbitkan buku '*The Surviving Pieces*' di Pulau Pinang. Manakala Kee Ming-Yuet (2004)¹⁵ menerbitkan '*Straits Chinese Porcelain*' untuk mendokumentasikan koleksi beliau di Kuala Lumpur. Didapati kedua-dua buah buku itu memberikan maklumat dan rujukan tentang jenis-jenis tembikar *Famille Rose* serta contoh-contoh reka corak.

1.4.3 Sejarah Tembikar Negeri China

Sejarah dan latar belakang tembikar Cina mesti difahami seperti bagaimana proses dan perkembangan pelbagai jenis tembikar di Negeri China berevolusi sehingga ke hari itu. Pemahaman sejarah tembikar Cina membolehkan pengkaji mendapatkan gambaran bagaimana dan dari mana tembikar Nyonya dan tembikar biru dan putih dihasilkan. Duncan Macintosh (1977)¹⁶ dalam bukunya '*Chinese Blue & White Porcelain*' menuliskan sejarah seni tembikar biru dan putih sejak abad ke-14, abad ke-15 dan sehingga tembikar biru dan putih yang dihasilkan di akhir Dinasti Ming pada abad ke-16. Sejarah tembikar biru dan putih turut diolahkan sehingga abad ke-19 di mana ia dieksportkan dalam kuantiti yang besar ke Asia Tenggara dan negara-negara Barat. Dalam buku ini juga tercatat proses penghasilan tembikar biru dan putih tradisi, jenis-jenis motif dekoratif dan maklumat tanda nama.

'*Chinese Pottery and Porcelain*'¹⁷ yang ditulis oleh pakar tembikar pioneer British, dari Muzium British - R.L.Hobson (1976) tentang sejarah tembikar Cina dari masa primitif hingga ke Dinasti Qing. Buku ini didapati dalam dua jilid, disertai dengan seratus lebih buah plat dengan lanjutan penerangan dan bandingan yang terperinci. Hobson juga menuliskan dua buah buku lain iaitu '*The Later Ceramic Wares of China*'

¹³ Harrison, Barbara. (1995). *Later Ceramics in South-East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

¹⁴ Ch'ng Huck Theng. (2001). *The Surviving Pieces*. Penang: One-East Marketing.

¹⁵ Kee Ming Yuet. (2004). *Straits Chinese Porcelain*. Kuala Lumpur: Kee Ming-Yuet Sdn. Bhd.

¹⁶ Macintosh, Duncan. (1977). *Chinese Blue and White Porcelain*. London: David and Charles.

¹⁷ Hobson, R.L. (1976). *Chinese Pottery and Porcelain-Volume 1*. New York: Dover.

(1925)¹⁸ dan '*Chinese Art*' (1964)¹⁹. Margaret Medley (1976) menerbitkan buku tentang sejarah ringkas seramik Cina yang bertajuk '*The Chinese Potter*'. Buku itu menerangkan jenis-jenis tembikar dan perkembangan sejarah tembikar dari masa budaya neolitik hingga abad ke-16. Diolahkan industri seramik dan bahagian teknikal penghasilan tembikar untuk jenis tembikar yang berlainan.

1.4.4 Teori Seni dan Simbolisme

Margaret Medley (1973)²⁰ juga membukukan sebuah buku kecil yang bertajuk '*A Handbook of Chinese Art*'. Buku ini dijadikan rujukan kepada para kolektor dan pelajar seni halus tentang terminologi seni dan kraf Cina. Kandungannya dibahagikan kepada beberapa tajuk antaranya seni Buddhisme, seramik, motif dekorasi dan sebagainya. Buku sejarah seni '*Art Past Art Present*' (1994)²¹ yang dituliskan oleh Wilkins, Schultz dan Linduff menyentuh tentang teori estetika seni catan ink Cina.

Mark Getlein (1998) yang menulis buku edisi keenam '*Living With Art*' mencernakan teori seni iaitu asas seni visual dan prinsip-prinsip rekaan. Ilmu asas seni visual dan prinsip-prinsip rekaan dijadikan pembaris pengukur kepada pengkaji untuk menikmati objek seni dengan tampakan yang lebih kritikal dan analisis yang lebih perinci. Buku ini juga dituliskan teori ringkas seni Cina bersamaan dengan contoh-contoh dan sejarah masyarakat. '*Style in the Art of China*' oleh William Watson (1974)²² mengolahkan pelbagai stail dekoratif pada pelbagai kraf di Negeri China yang dihasilkan sejak dahulu-kala.

¹⁸ Hobson, R.L. (1925). *The Later Ceramic Ware of China*. London: Benn.

¹⁹ Hobson, R.L. (1964). *Chinese Art*. London: Spring Books.

²⁰ Medley, Margaret. (1973). *A Handbook of Chinese Art*. Singapore: Singapore: Eastern Universities Press.

²¹ Wilkins, Schultz and Linduff. (1996) *Art Past Art Present*. New York: Prentice Hall Inc.

²² Willets, William. (1974). *Style in the Arts of China*. Singapore: Donald Moore.

Reka corak seni tembikar Cina tidak dapat diasingkan daripada inspirasi alam sekitar. Menurut ahli falsafah Cina, Laozi²³, 'Dao' merupakan semangat yang misteri dan tidak dapat diperkatakan. Daripada 'Dao', semua alam benda dan organisma dihasilkan. 'Dao' sebagai akar umbi kepada alam sekitar, Laozi mengemukakan fahamannya iaitu sama ada dalam masyarakat manusia atau alam sekitar, kerana 'dao' berubah dan bergerak pada setiap masa. Maka terwujudlah elemen-elemen yang bertentangan seperti ada berlawanan tiada, cantik berlawanan hodoh dan sebagainya. Benda-benda yang positif dan negatif itu adalah saling bergantung dan saling bertukar. Kenyataannya malang, digantungkan pada bahagia, sebaliknya bahagia dilindungi oleh malang. Laozi berpendapat bahawa manusia patut balik ke kehidupan yang simpel kerana semua kewujudan sentiasa bertukar. Manusia wujud dari 'Dao' dan akan kembali ke 'Dao'. Maka beliau berkata: "*Semua alam benda kembali ke akar-umbinya, pengembalian ke asal-usul merupakan intipati hidup.*"²⁴ Fahaman Laozi mempengaruhi para seniman Cina sejak dahulu-kala dan sampai ke hari ini, dan seni tembikar Cina yang menggunakan tanah dari alam semulajadi untuk menghasilkan barangan dapur, ritual dan kepercayaan dan sebagainya. Orang Cina juga gemar menanamkan barangan tersebut '*kembali ke akar-umbinya*' bersama-sama dengan si mati.

Laozi disembahkan sebagai dewa dalam agama Taoisme di banyak tokong di Pulau Pinang. Ramai Baba dan Nyonya di Pulau Pinang merupakan penganut Taoisme yang bukan sahaja menyembah kepada dewa-dewi Taoisme, tetapi juga menyembah kepada Buddha, serta kepercayaan dan ritual tempatan seperti 'Datok-kong' atau roh tanah dan sebagainya. Akhirnya, fahaman Laozi dicabangkan kepada dua arah. Ahli filosofi Zhuangzi memperkembangkan kepada fahaman 'ketiadaan'. Ahli filosofi yang lainnya seperti Confucius menerangkan 'Dao' sebagai peraturan, 'Dao' dijadikan budi pekerti dan ukuran moral masyarakat.²⁵ Golongan Baba

²³ _____. (2002). *History of China*. China: Haiyan Publisher. ms 66.

²⁴ Ibid.

²⁵ Ibid.

memegang teguh kepada ajaran Confucius iaitu mempraktikkan amalan penyembahan nenek-moyang dan ajaran *filial-piety (xiao)* iaitu menghormati kepada ibu bapa serta menjaga mereka sehingga akhir hayat.

Lantaran itu, Lin Yutang (1967) seorang saujana Cina menterjemahkan 23 buah karangan klasik Cina sejak abad ke-6 hingga abad ke-18 dalam bukunya *The Chinese Theory of Art*²⁶. Penterjemahan dari petikan-petikan bahasa Cina klasik yang asal membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap falsafah dan teori seni catan Cina. Seni catan Cina tidak dapat diasingkan dari seni tembikar yang memang menggunakan berus untuk melukis. Sejak Dinasti Tang, seniman Cina telah memuji-muji keagungan alam sekitar melalui gambar landskap dan puisi alam semula jadi. Mereka percaya manusia dikaitrapatkan dengan tanah, awan, batu dan 'qi' yang bererti hembusan kehidupan. Gambar alam semula jadi diolahkan pada tembikar biru dan biru. Idea itu juga dipraktikkan oleh para seniman dan artisan kraf, simbol-simbol dievolusikan melalui lukisan dan tulisan berdasarkan fenomena alam sekitar seperti awan, guruh, tumbuhan, haiwan dan sebagainya. Mengikut seniman Cina, sebuah catan haruslah tersembunyi intipati alam semulajadi.

Pada pertengahan abad ke enam, seorang artis portrait yang bernama Xie He telah menulis dalam bukunya yang bertajuk *'Gu hua pin lu'*²⁷ (*Classified Record of Ancient Painters*), bahawa terdapat enam ciri utama dalam teori estetik seni catan Cina. Enam ciri- ciri estetik yang utama iaitu pertama semangat dan pergerakan kehidupan, kedua kekuatan dan teknik menggunakan berus, ketiga kesetiaan kepada form objek, keempat pewarnaan yang betul, kelima perletakan komposisi yang betul dan penyusunan, serta meniru dari karya para cendekiawan dahulu kala.²⁸ Dalam tembikar Nyonya, ciri-ciri semangat dan pergerakan kehidupan diekspresikan melalui imej burung *phoenix* yang kononnya hanya akan wujud pada masa aman dan damai,

²⁶ Lin Yutang. (1967). *The Chinese Theory of Art*. New York: G. P. Putnsm's Sons. ms 34.

²⁷ Lin Yutang. (1967). *The Chinese Theory of Art*. New York: G. P. Putnsm's Sons. ms 34.

gambar burung *phoenix* ditunjukkan pelbagai aksi seperti terbang, menyanyi dengan kepala menghala ke atas dan mulut yang buka menganga. Kekuatan dan teknik menggunakan berus dipaparkan dengan berusan tona subjek seperti bunga *peony* dan burung-burung pada porselin Nyonya. Teknik berusan kelihatan antara lapisan dan tona warna sama ada pada reka corak tembikar '*Famille Rose*' ataupun tembikar 'Dapur Qing'.

Pengaruh catan landskap secara tidak langsung juga ditiru oleh seniman tembikar dalam rekaan perhiasan dan motif. Dalam hal tembikar Nyonya dan Baba, lukisan landskap diolahkan dalam porselin biru dan putih yang monokroma umpama lukisan tradisional catan Cina yang hanya melukiskan dakwat hitam. Dalam esei Ching Hao pada abad ke 10, '*Essay on Landscape Painting*', enam kepentingan dalam seni Cina ialah semangat, irama, pemikiran, pemandangan, pemberusan dan ink. Seseorang seniman mula-mula mencatat konsep realistik subjek, kemudian mengutarakan ekspresi, membezakan antara yang nampak persamaan, di mana menghasilkan benda yang formal, aspek keluaran tentang apa yang ditunjukkan, dan kebenaran ataupun semangat, yang juga melibatkan ilmu yang diketahui serta mewakili realiti dalaman seseorang insan. Objektif utama seseorang seniman tidak lain dari mencapai keseimbangan antara fom, bahan visual dari alam sekitar dan ekspresi hati seniman yang signifikan. Doktrin realisme ini bertujuan untuk mendapatkan imej visual yang natural dan bukan membuat pemeriksaan kepada bagaimana alam sekitar beroperasi. Kebenaran akan dicapai oleh seniman sekiranya dia menangkap fom dan semangat subjek pada masa yang sama. Sekiranya semangat diabaikan, maka fom itu adalah mati. Teori yang sama diaplikasikan pada seni seramik kerana seniman seramik meniru serta belajar dari artis catan. Contohnya cawan teh yang menunjukkan seekor serangga di atas sebatang dahan bunga *peony*. Serangga dan rama-rama umpama terbang di ruang alam semulajadi. Ruang

²⁸Wilkins, Schultz and Linduff. (1996). *Art Past Art Present*. New York: Prentice Hall Inc. ms 188.

merepresentasikan semangat dalaman dan realiti perasaan artis dan juga seorang peminum teh yang sedang berfikir.

Alam sekitar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi usaha artistik sejak dahulu kala. Keakuran sentiasa mengarah kepada fungsi, konsep simetri dan harmoni, penggunaan warna diadaptasi sepanjang proses rekaan. Yang secara tidak langsung ciptaan yang berhubung terus kepada fom, sebagai hasilnya yang paling penting pula ialah perasaan yang selesa yang dirasakan oleh artisan semasa proses pengkaryaan. Subjek-subjek catan seperti pokok dan bunga, burung dan serangga, binatang dan ikan, dataran dan sungai, gunung dan salji, lelaki dan perempuan, semua sentimen dan diskripsi itu telah menjumpai tempat masing-masing di dalam motif yang dihasilkan oleh artisan tembikar. Daripada manifestasi terhadap alam sekitar, sentuhan estetika ditonjolkan dalam perubahan cuaca dari hujan dan pancaran matahari, awan dan ombak, inspirasi telah dicatat dan dilukis. Warna-warna yang cantik dihasilkan dengan erti emosi dan digunakan untuk menegaskan alunan pada bentuk dan fom, pembahagian yang tepat dan maksud yang relevan. Alam sekitar menghiasi bumi dengan tujuan dan arah, maka artisan tembikar menghiasi bahan tersebut dengan fom dan sifat fungsinya. Contohnya catan landskap yang merupakan subjek dalam tembikar biru dan putih, yang menonjolkan gambar alam pada permukaan bekas pasu bunga, ataupun pada pinggan dan mangkuk. Begitu juga lukisan haiwan dan tumbuhan pada Tembikar *Famille Rose* yang mengutarakan inspirasi alam semula jadi. Seseorang pengguna bukan sahaja menikmati makanan Nyonya, pada masa yang sama menikmati dengan tampakan seni catan pada barangan dapur.

Dalam lukisan landskap, seseorang pemerhati tidak dapat pandangan panoramik dari satu arah sama ada dari sudut luaran atau dalaman catan, malah artis sendiri juga tidak mahu pemerhati membuat demikian. Sebaliknya, kita sebagai pemerhati hendaklah sedikit demi sedikit menemui alam semula - jadi kerana seolah-

olah kita sedang berjalan dalam alam ajaib itu. Penjelasaannya seniman tembikar telah mencampur elemen masa dalam form itu. Perspektif pertukaran (*shifting perspective*) membolehkan pemerhati membuat latihan visual dengan memeriksa butiran gambar dan juga struktur alam semulajadi. Kekuatan imej visual itu supaya pemerhati terbebas dari diri - sendiri dan memperoleh kenafasan baru dan belaian spiritual.

Menurut esei Gou Xi pada abad ke-sebelas²⁹, *The Virtuous Man Above All Delights In Landscapes*, literati Cina menerima anggapan bahawa tanggungjawab sivik seseorang literati kepada masyarakat ialah berkhidmat kepada rakyat dan negara, manakala untuk memperkayakan aspek spiritual, mereka aktif dalam pengkaryaan seni sama ada berkarya atau mengapresiasi karya-karya seniman lain. Selain itu, Seni Cina juga di pengaruhi oleh pemikiran dan filosofi Confucianisme. Golongan Baba memegang teguh kepada ajaran Confucious yang amat menitikberatkan nilai-nilai moral seperti *filial-piety*, penghormatan kepada orang tua-tua, penghormatan kepada guru dan mementingkan pelajaran.

1.5 Metodologi Penyelidikan

Kajian ini dibuat menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan historikal, sosial-budaya dan teori-teori seni. Kaedah-kaedah kualitatif dipilih berdasarkan kepada ciri-ciri yang terdapat dalam penyelidikan yang sedang dibuat. Penyelidikan kualitatif dalam aspek seni halus adalah deskriptif dan berdasarkan kajian imej (*Image Based Research*). Demi untuk menjawab soalan kajian iaitu apakah sifat-sifat reka corak yang terdapat pada tembikar yang digunakan oleh masyarakat Baba dan Nyonya. Sampel yang dikumpul adalah dalam bentuk gambar-gambar dan sampel barangan dapur tersebut serta rekod perkataan-perkataan yang merangkumi transkrip temuduga, nota lapangan, gambar foto dan lain-lain rekod rasmi.

²⁹ Lin Yutang. (1967). *The Chinese Theory of Art*. New York: G. P. Putnsm's Sons. ms 70.

1.5.1 Strategi Induktif (Inductive Strategy)

Strategi Induktif³⁰ dipilih kerana mula-mula pengkaji akan mengumpul sampel-sampel secara generalisasi dan kemudian mengelaskan mereka. Langkah seterusnya memerhati, memeriksa, mengolah dan memahami sample-sampel itu serta mencernakan pemahaman dan pemerhatian itu kepada perkataan dengan teori-teori seni, teknik-teknik, falsafah-falsafah dan simbol-simbol. Kajian dengan rujukan barangan-barangan tersebut dengan gambar-gambar foto akan dibuatkan perbandingan antara perbezaan dan persamaan yang terdapat di antara sampel-sampel yang dikumpulkan. Maka menghasilkan generalisasi dan menggunakan teori-teori untuk menerangkan pemerhatian yang seterusnya. Dalam analisis data secara induktif, pengkaji mencari maklumat bukan untuk menguji sesuatu hipotesis tetapi untuk menjawab dan mencari makna simbolik yang terkandung pada bahasa seni visual barangan artifak tersebut serta memahami tentang cara penghidupan golongan pengguna yang memilih jenis bahasa seni visual itu.

Beberapa prosedur dilakukan dalam proses memungut data iaitu:

Pertama, tempat kajian dijalankan. Dalam hal itu, pengkaji telah memilih satu daripada tiga tempat di Negeri-negeri Selat yang mempunyai komuniti Baba dan Nyonya iaitu di Pulau Pinang. Baba dan Nyonya di Pulau Pinang mempunyai budaya yang pada beberapa aspek berbeda daripada komuniti Baba di Melaka dan Singapura. Baba dan Nyonya di Pulau Pinang berkomunikasi antara satu sama lain dalam bahasa Hokkien dengan pinjaman bahasa Melayu. Manakala Baba di Melaka mengucap dalam bahasa 'Patois' iaitu bahasa Melayu Baba. Melaka merupakan tempat berasalnya golongan Peranakan Baba dan Nyonya. Pada hari ini banyak barangan seramik Nyonya telah dijual oleh anak-cucu, malah boleh dikatakan telah dibeli oleh kolektor antik dan pelancong-pelancong. Pengkaji juga diberitahu oleh tuan kedai antik

³⁰ Blaikie, N. (2000). *Designing Social Research*. UK: Cambridge, Polity Press. ms 124 & 177.

bahawa bilangan seramik Nyonya yang banyak telah dijual ke negara jiran, Singapura dan luar negara pada tahun 1970an. Secara bandingannya barangan antik tersebut masih banyak didapati di negeri Pulau Pinang, walaupun set yang asal dan bilangannya telah dibahagi-bahagikan antara anak-cucu. Kebanyakan barangan seramik yang cantik juga dikumpulkan oleh peminat-peminat antik ataupun simpanan peribadi. Malah adalah susah juga didapati sumber tembikar Nyonya dari kedai-kedai antik di kalangan bandaraya Georgetown. Sebaliknya peniaga tersebut sendiri ingin membeli dari pengkaji. Pengkaji juga menggunakan kemudahan-kemudahan seperti di Muzium Pulau Pinang, Muzium dan Galeri USM, Muzium Taiping, Muzium Melaka dan Muzium Negara Kuala Lumpur.

Kedua, siapa yang diperhati dan ditemubual:

Dalam hal ini, pengkaji telah memerhati dan menemubual dengan responden-responden daripada kurator muzium, para peminat dan kolektor seramik Nyonya, seniman-seniman seramik, pemilik kedai antik dan waris-waris Peranakan Baba. Pengkaji akan membuat soalan-soalan sebelum dijalankan temubual. Setiap temubual direkod menggunakan sketsa, kamera, pemain rekod dan catatan sekiranya dibenarkan. Pengkaji juga membuat pemerhatian supaya dapat meningkatkan pemahaman tentang sesuatu fenomena ataupun peristiwa. Soalan-soalan baru akan timbul semasa responden menceritakan sesuatu pengalaman. Dokumentasi juga dibuat dengan pengukuran diameter, ketinggian ataupun saiz barangan objek seni. Pengkaji juga telah menghadiri ceramah dan dialog tentang tejuk-tajuk tersebut dan membuat catatan.

Selain itu, dalam proses mengumpul sampel-sampel untuk tembikar Nyonya, pengkaji turut tertarik dengan koleksi jubin dinding yang disimpan. Maka pengkaji menjadi minat dan mula mengumpulkan gambar-gambar kajian tentang jubin dinding yang merupakan sejenis seni tembikar. Akan tetapi boleh dikatakan literatur jubin adalah terlalu sedikit dan terhad. Topik itu merupakan satu tajuk kajian yang baru di

tempatan. Pengkaji terpaksa bergantung kepada laman web terhadap maklumat seni jubin yang boleh dikatakan amat kekurangan rujukan teks. Malah arkitek, peniaga antik dan tuan rumah juga tidak dapat memberikan banyak maklumat.

1.5.2 Strategi Abduktif (Abductive Strategy)

Strategi Abduktif³¹ digunakan untuk menerangkan dan memahami kehidupan sosial golongan Baba pada abad ke 20. Strategi ini diperlukan untuk menerangkan objek tembikar dalam bahasa seni visual, erti, motif, reka corak serta fungsi utiliti barangan eksport itu yang digunakan di dalam kehidupan harian Baba serta menghubungkaitkan barangan itu kepada kehidupan sosial dan peristiwa bersejarah pada komuniti yang unik itu. Kehidupan sosial dan kebudayaan golongan Baba difahamkan melalui temuramah dengan warisan dan Baba yang masih tinggal pada ketika. Kebudayaan dan peristiwa yang penting yang masih dipraktikkan sehingga hari ini seperti perayaan Cheng Beng, perayaan bulan, Perayaan Chap Goh Meh dan sebagainya. Selain itu barangan dapur yang digunakan juga berkaitan dengan jenis-jenis masakan Nyonya yang dimasak pada hari kebiasaan dan hari kebesaran. Kajian objek seni dilakukan pada dua aspek iaitu aspek seni halus dan sosial-budaya masyarakat itu. Temubual dijalankan dengan Puan Cheah (94 tahun) yang berpakaian sarong dan berbaju pendek di rumah demi untuk memahami kehidupan golongan Baba dan Nyonya pada tahun 1930-an hingga ke masa ini, beliau berbahasa Inggeris dan rumahnya masih mempunyai perabot dan barangan Nyonya. Bentuk temubual dijalankan dengan memahami sejarah kehidupan beliau. Beliau juga menerangkan tentang ritual penyembahan dan majlis perkahwinan beliau. Akan tetapi disebabkan keengganan anak perempuannya yang memberi kebenaran kepada pengkaji membuat rekod formal, maka temubual adalah secara tidak formal.

³¹ Blaikie, N. (2000). *Designing Social Research*. UK: Cambridge, Polity Press. ms 124 & 177.

1.6 Batasan Kajian

Masalah tentang penulisan budaya masyarakat Baba ialah kebanyakan informasi yang didapati adalah secara oral. Batasan utama ialah seseorang pengkaji tesis susah membuat generalisasi daripada akaun seseorang individu. Ramai Peranakan berasa kefahaman tentang budaya mereka sendiri adalah paling tepat.

Masalah seterusnya ialah sejarah oral adalah secara relatif merupakan memori yang terhad. Generasi Baba yang masih hidup tidak berapa ingat akan peristiwa yang berlaku sebelum 1930an. Ada cerita yang didengar melalui ayah atau datuk mereka. Pengkaji telah menemuduga dua orang Nyonya yang masih hidup di Pulau Pinang yang telah melebihi umur 90 tahun, waris-waris Baba dan Nyonya yang lainnya pula berumur antara lingkungan 60 tahun dan 80 tahun. Selain itu, kewujudan dokumentasi terhadap kaum Cina di Asia Tenggara ditulis oleh bangsa British. Komentator mengambil fotograf dengan dokumentasi rekod tarikh, maka memberikan rekod visual yang penting. Golongan Baba kontemporari mempunyai budaya material yang memang jauh berbeza dengan golongan Baba yang mempunyai latar belakang keluarga yang kaya-raya dan hidup mewah pada awal abad di Negeri-negeri Selat. Secara amnya, kebanyakan keluarga nyonya amat bangga dengan kemahiran memasak mereka. Untuk mereka, seramik Nyonya hanya merupakan barangan dapur utiliti. Warisan Baba juga kurang kefahaman tentang makna simbolik dan kegunaan barangan seramik yang dipamerkan dalam almari rumah mereka.

Selain itu, kajian dibuat atas antik-antik tembikar yang dikoleksikan oleh pihak-pihak individu dan awam. Disebabkan antik-antik tersebut telah menjadi amat berharga pada hari ini, maka banyak yang terpamer dalam almari bergelas. Maka pengkaji hanya boleh mengambil gambar tentang barangan-barangan dapur melalui gelas itu. Adapun dikeluarkan untuk mengambil gambar dan terus disimpan balik

kerana takut terpecah. Batasan kajian adalah pengkaji kurang pengalaman menangani, merasai, mengkaji dan menikmati barangan seramik dalam jarak dekat.

Koleksi jubin-jubin merupakan satu sebab jubin-jubin telah dicuri dari rumah-rumah di sekitar bandaraya Georgetown seperti di Jalan Nagore dan Lebu Melayu. Kebanyakan rumah lama yang tertinggal pada masa itu dengan muka depan berjubin adalah semakin kurang terutamanya yang masih dijaga dalam keadaan yang baik. Rumah-rumah lama itu disewakan kepada penduduk-penduduk yang bukan dari warisan Baba. Mereka juga kurang pemahaman sejarah bangunan itu. Melalui responden yang ditemubual, jubin-jubin dinding dijual dengan harga RM40 ke atas pada tahun 1980an. Manakala hari ini, yang dikaji oleh pengkaji sekeping jubin yang dalam keadaan baik berharga antara RM100 ke RM300. Malah jubin dinding yang bergambar dengan motif seperti burung Merak lagi mahal, di mana pada tahun 1980an sudah berharga RM300 lebih sekeping. Sampel yang didapati oleh pengkaji masih tidak lengkap kerana dipercayai banyak jubin-jubin lagi disimpan oleh kolektor individu yang berasingan.

1.7 Organisasi Kajian

Kajian ini akan dibahagikan kepada enam bab, iaitu Bab 1 ialah bahagian kaedah kajian, Bab 2 merupakan bahagian kajian latar belakang dan budaya Baba dan Nyonya, Bab 3 tentang Seni Tembikar Nyonya dan Bab 4 bahagian Seni Tembikar Biru dan Putih, Bab 5 tentang Seni Jubin serta Bab 6 bahagian kesimpulan. Penerangan susunan bab-bab seperti yang berikut:

Bab Satu ialah bahagian Pengenalan yang menerangkan tentang objektif dan kepentingan kajian, permasalahan kajian, memaparkan soalan-soalan kajian serta strategi kajian iaitu strategi induktif dan abdukrif. Selain itu juga ditonjolkan batasan kajian, diikuti dengan kaedah kajian yang menggunakan kaedah kualitatif.

Bab Dua adalah berkenaan latar belakang dan budaya masyarakat Baba dan Nyonya. Pada asasnya barangan tembikar yang digunakan dalam keluarga Baba adalah untuk fungsi utiliti, lambat-laun ia telah diasimilasikan ke dalam kehidupan dan budaya mereka seperti budaya penyembahan nenek-moyang, majlis perayaan, majlis kematian dan sebagainya. Adalah penting untuk membuat kajian tentang hubungan antara budaya masyarakat ini demi memahami objek seni yang diguna.

Bab Tiga ialah tajuk Seni Tembikar Nyonya yang juga dikenali sebagai Porselin *Famille Rose*. Bab ini menghuraikan perkaitan antara kegiatan golongan Nyonya dan barangan tembikar. Porselin *Famille Rose* merupakan alatan dapur yang paling biasa di rumahtangga keluarga peranakan. Sebelum itu para saujana porselin tidak pernah memberi perhatian kepada jenis seramik yang berbeda dengan stail saujana Cina. Barangan eksport Cina dianggap sebagai kasar dan rendah kualiti sekiranya dibandingkan dengan barangan seramik '*Imperial*' oleh pakar tembikar Negeri China. Barangan tembikar tersebut dianggap stail seni tembikar Nyonya berdasarkan kepada tiga ciri iaitu jenis tembikar itu digunakan oleh golongan Peranakan Baba, tembikar yang dihasilkan untuk golongan itu serta tembikar dikomisyenkan oleh masyarakat itu. Di samping itu, teori-teori seni ditakrifkan dengan jenis-jenis reka corak yang terdapat pada barangan tembikar itu. Bagi golongan Baba yang kaya pada masa itu, mereka mampu memesan terus tembikar-tembikar ini untuk kegunaan keluarga mereka dan dengan memilih reka corak tertentu serta membubuh nama keluarga mereka pada barangan tembikar.

Bab Empat pula memberikan tumpuan tentang Seni Tembikar Biru dan Putih yang juga digelar 'Dapur Qing'. Dalam dapur Peranakan Baba dan Nyonya, alatan dapur yang biasanya digunakan merupakan seramik jenis Biru dan Putih, adanya juga keluarga yang berada menggunakan tembikar import Eropah yang diimport dari Belanda, England, Scotland dan Germany. Mutu tembikar Biru dan Putih ini juga

adalah berbeza-beza iaitu bergantung kepada taraf dan kemampuan penggunaanya. Jenis tembikar biru dan putih yang digunakan oleh Baba telah diberikan nama '*Kitchen Qing*' atau '*Dapur Qing*' (Southeast Asia Ceramic Society, 1981). Tembikar Biru dan Putih yang dihasilkan sejak Dinasti Ming merupakan alat keperluan di dapur kebanyakan rumah orang Cina, maka ia masih dihasilkan pada Dinasti Qing kerana permintaan yang tinggi. '*Dapur Qing*' dianggap darjat pinggan mangkuk yang rendah mutunya pada masa itu, namun ia telah dijadikan satu bahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada dapur Peranakan.

Bab Lima menfokuskan kepada seni visual jubin dinding dan lantai. Satu butiran yang istimewa pada luaran rumah Baba ialah perhiasan jubin pada dinding dan lantai. Jubin dinding adalah berwarna-warni, warna yang popular ialah merah, hijau dan biru. Satu dokumentasi dibuat untuk mengumpulkan sampel-sampel pada bahagian luar rumah-rumah Baba yang dibina sebelum Perang Dunia Kedua di Pulau Pinang. Malah bilangan jubin dinding yang banyak telah dicuri, dikorek dan dijual sebagai barangan antik sejak 1970an. Kebanyakan motif terdiri daripada bunga-bunga seperti bunga ros, bunga kekwa dan lain-lain. Jubin segi empat disusun dan dikelilingi oleh jubin segi empat tepat sebagai perhiasan tepi. Terdapat reka corak jubin yang berbentuk kalungan bunga atau ribbon yang menunjukkan Baba yang beragama Kristian. Jubin-jubin itu mungkin bertarikh akhir abad ke 19 atau awal abad ke-20 kerana rumah-rumah itu dibinakan pada masa itu. Jubin yang terdapat pada lantai mempunyai motif yang lebih ringkas berbanding dengan jubin dinding. Jubin lantai mempunyai dua jenis. Satu sebagai perhiasan tepi dan satu sebagai motif utama.

Bab Enam akan berfungsi sebagai bab rumusan dan dapatan kajian. Kesimpulan adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian. Iaitu untuk mengolahkan sifat-sifat reka corak yang terdapat pada barangan tembikar Baba. Selain itu menerangkan bagaimana barangan tembikar tersebut berhubung dengan budaya

Baba. Selepas itu baru mencerakinkan sebab-sebab Baba memilih beberapa motif itu pada barangan tembikar mereka. Selain itu, dapatan rumusan yang dibuat perbandingan antara reka corak tembikar Nyonya dengan tembikar Dapur Qing, serta jubin-jubin *Majolica* dari bab tiga, empat dan lima akan dicerakinkan. Cadangan terhadap kajian akan datang juga dibuat pada bab ini.